

BAHASA

MELAYU

**KATA
PENEKAS**


Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH:
CIKGU HANISAH BINTI RAMLI

KATA PENEGAS

- ❖ Kata penegas ialah kata yang digunakan untuk menguatkan atau menegaskan ayat.
- ❖ Kata penegas juga dikenali sebagai partikel.



Kata Penegas Bercantum

-kah -lah -tah

□ Kata penegas bercantum ialah kata yang dicantumkan dengan perkataan.

➤ Contoh:

❖ dia**kah** / apa**tah** / jangan**lah**

□ Frasa yang menerima partikel **-kah**, **-lah**, atau **-tah** perlu dikedepankan dalam ayat dan tidak boleh hadir di akhir ayat.

➤ Ayat contoh:

- Kamu**kah** yang menangis tadi?
- Pegang**lah** tali ini kuat-kuat.
- Apa**tah** lagi dengan kita ini.

Kata Penegas Berasingan











**juga pun hanya memang
lagi sahaja jua**

- ❑ Kata penegas berasingan ialah kata yang diasingkan daripada perkataan.
- ❑ **Juga, sahaja, dan lagi** tidak boleh diletakkan di hadapan frasa yang menjadi predikat ayat.

➤ Ayat contoh:

- Mereka akan pulang **juga**.
- Dia seorang **sahaja** yang belum makan.
- Liza belum pulang **lagi**.
- Amin **pun** tidak menyiapkan tugas.
- Nasib Abu **memang** malang.
- **Hanya** Alia seorang yang tahu perkara itu.
- Apa-apa **jua** perubahan, saya akan maklumkan kemudian.

Kata Penegas dan Penggunaannya

Kata Penegas		Penggunaan
-kah		menegaskan maksud ayat tanya
-lah		menegaskan maksud ayat penyata
-tah		menegaskan maksud ayat penyata atau ayat tanya
pun		menegaskan maksud ayat penyata
lagi		menegaskan maksud ayat penyata atau ayat tanya
juga		menegaskan maksud ayat penyata
hanya		menegaskan maksud ayat penyata
memang		menegaskan maksud ayat penyata
jua		menegaskan maksud ayat penyata, ramalan atau syarat
sahaja		menegaskan maksud ayat penyata atau ayat perintah

LATIHAN I

Tandakan (√) bagi kata penegas yang betul.

1. “Makan..... dahulu sebelum pulang,” kata ibu kepada sahabatnya.

-kah	<input type="checkbox"/>	pun	<input type="checkbox"/>	-lah	<input type="checkbox"/>
------	--------------------------	-----	--------------------------	------	--------------------------

2. Mi kari yang dimasak oleh ibu sedap.

lagi	<input type="checkbox"/>	memang	<input type="checkbox"/>	jua	<input type="checkbox"/>
------	--------------------------	--------	--------------------------	-----	--------------------------

3. Bekalan makanan di rumah Rahman cukup untuk dua hari.

hanya	<input type="checkbox"/>	juga	<input type="checkbox"/>	memang	<input type="checkbox"/>
-------	--------------------------	------	--------------------------	--------	--------------------------

4. “Mengapakah kamu belum pulang?” tanya Cikgu Hanif.

-lah	<input type="checkbox"/>	lagi	<input type="checkbox"/>	sahaja	<input type="checkbox"/>
------	--------------------------	------	--------------------------	--------	--------------------------

5. Munawir seorang yang masih belum menyiapkan tugas Bahasa Melayu ini.

hanya	<input type="checkbox"/>	-kah	<input type="checkbox"/>	sahaja	<input type="checkbox"/>
-------	--------------------------	------	--------------------------	--------	--------------------------

LATIHAN 2

Lengkapkan ayat di bawah dengan kata penegas yang sesuai.

1. Wang simpanan Latif tinggal lima puluh ringgit.
2. "Awak..... yang memanggil saya tadi?, tanya Marlia.
3. Tina seorang murid yang rajin.
4. Pemuda itu..... yang membantu saya tadi.
5. "Apa yang berlaku, saya tidak akan meninggalkan kamu," kata Liana kepada Mila.
6. Setelah seharian Kamalia menunggu kehadiran Jenny, akhirnya dia sampai
7. Apa..... daya kami untuk membantunya dalam hal ini.
8. Atikah seorang yang fasih berbahasa Inggeris.

LATIHAN 3

Suaikan ayat dengan kata penegas yang betul.

Aiman membeli barang yang dipesan oleh ibunya.		-kah
Kakak tetap dengan keputusannya untuk bekerja di Kuala Lumpur.		juga
Alang..... bagusnya kalau kita juga dapat turut serta dalam percutian itu.		hanya
Mereka pergi dari situ dengan segera.		jua
Selain menyanyi, abang pandai menari.		pun

JAWAPAN

LATIHAN 1

-lah	memang	hanya	lagi	sahaja
------	--------	-------	------	--------

LATIHAN 2

hanya	-kah	memang	-lah
pun	juga	-tah	sahaja

LATIHAN 3

hanya	jua	-kah	pun	juga
-------	-----	------	-----	------

SELAMAT BELAJAR

ANDA BUAT,
ANDA DAPAT,
ANDA HEBAT!